

Halatuju Kurikulum Pendidikan Islam Di Politeknik Malaysia : Satu Tinjauan Awal (Destination Of Islamic Curriculum In Malaysia Polytechnic)

Yusni Bin Mohamad Yusak, *, Zainab Hanina Abdull Samad

Seksyen Pembangunan dan Penilaian Kurikulum, Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia

*Corresponding author : yusni@mohe.gov.my

Abstrak

Kurikulum Pendidikan Islam (PI) adalah kurikulum wajib yang perlu diikuti oleh semua pelajar muslim di Politeknik Malaysia. Kursus PI ditawarkan di Semester Pertama, Kedua dan Ketiga. Kurikulum ini digubal bertujuan untuk melahirkan insan yang beriman, berakhhlak mulia, berpengetahuan dan beramal soleh. Sejarah dengan perkembangan global dan keperluan semasa Kurikulum PI dibangunkan seiring bagi melahirkan tenaga kerja separa profesional yang dinamik dan deduktif. Justeru itu, transformasi kurikulum PI menjadi wadah penting menjana anjakan paradigma bersesuaian dengan tahap perkembangan individu. Proses pembangunan kurikulum PI di Politeknik Malaysia hanya melibatkan beberapa aspek utama iaitu metode penyampaian, format penulisan dan kaedah pentaksiran. Perubahan yang berlaku ini, adalah seajar dengan keperluan terkini industri, Islamisasi ilmu dan menggunakan metode penyampaian pelbagai.

Kata kunci : Halatuju Kurikulum, Pendidikan Islam, Politeknik Malaysia

PENDAHULUAN

Pendidikan di politeknik bermula dengan tertubuhnya Politeknik Ungku Omar (PUO) di Ipoh, Perak pada tahun 1969 melalui *Colombo Plan* (Pelan Colombo). Pendidikan Politeknik dimantapkan lagi dengan sokongan dari Jawatankuasa Kabinet mengenai Perlaksanaan Pendidikan (1979) dan Pelan Perindustrian Utama (1985-1995). Politeknik menawarkan program sepenuh masa, program kursus secara sambilan, kursus pendek dan kursus terlanggan.

Sehingga Ogos 2012 terdapat 30 buah politeknik di seluruh Malaysia dengan jumlah pelajar bagi program sepenuh masa seramai 92,148 orang pelajar 54% (50,067) pelajar lelakidan 46% (42,081) pelajar perempuan. Pelajar-pelajar tersebut mengikuti program pengajian di peringkat Diploma Lanjutan (8 program), Diploma (61 program), Sijil (16 program) dan Sijil Kemahiran Khas (5 program).¹

Politeknik Malaysia

Politeknik Malaysia mempunyai visi yang jelas iaitu menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan hospitaliti serta berazam melahirkan graduan yang berketrampilan, berakhhlak mulia dan bertanggungjawab selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Misi utama penubuhannya adalah menghasilkan tenaga kerja separa professional yang berkualiti bagi menampung keperluan sektor awam dan swasta di Malaysia.

Ke arah itu, Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) ditubuhkan bagi menyelaras, memantau dan mengkoordinasi keperluan Politeknik Malaysia meliputi keperluan pembangunan, pengurusan dan kewangan termasuklah pembangunan kurikulum dan pemberian latihan pengajaran.

Seksyen Pembangunan dan Penilaian Kurikulum (SPPK)

Sistem Pendidikan yang berkualiti mampu melahirkan tenaga kerja yang boleh menjadi “*global player*” dengan ciri-ciri peribadiunggul seperti sifat jati diri yang tinggi, inovatif, produktif, berkemahiran, berdaya saing, berdaya tahan, dan kreatif bagi menangani cabaran negara dan arus globalisasi. Sistem pendidikan yang berkualiti akan dapat menyumbang ke arah memenuhi hasrat kerajaan untuk mewujudkan budaya pembelajaran sepanjang hayat. Selaras dengan peningkatan untuk lebih berdaya saing, Politeknik telah menetapkan visi dan misi serta objektif kualiti yang perlu dicapai.

Hasrat merialisasikan Politeknik yang berjaya melahirkan tenaga kerja separa mahir profesional bergantung kepada beberapa faktor lain seperti tenaga kerja yang berkebolehan, berkemahiran tinggi serta mempunyai sahsiah yang terpuji. Ciri-ciri tersebut dikenal pasti sebagai elemen utama memastikan kejayaan penubuhan Politeknik. Tanpanya akan membantu usaha-usaha kerajaan untuk menjadi negara maju dan bersaing pada peringkat antarabangsa disamping melahirkan tenaga kerja yang tidak berkualiti. (Alias 1999).

Dalam usaha membentuk tenaga kerja yang bersahsiah tinggi kurikulum Politeknik perlu dirancang dan dibangunkan dengan sistematis serta berkesan. Kurikulum yang dibangunkan perlulah selaras dengan kehendak

¹ Fakta ringkas Politeknik, Jabatan Pengajian Politeknik


semasa lebih-lebih lagi bertepatan dengan kehendak wawasan Negara. Demikianlah kurikulum Pendidikan Islam (PI) dibangunkan.

Seksyen Pembangunan dan Penilaian Kurikulum (SPPK) mempunyai visi yang jelas sebagai penggerak utama kecemerlangan kurikulum kursus pengajian dan program latihan Politeknik di peringkat nasional dan antarabangsa. SPPK bergerak selaras dengan misi yang komited untuk membangunkan kurikulum yang berkualiti untuk melahirkan tenaga kerja separa profesional yang kompeten. SPPK juga berikrar memenuhi piagam pelanggannya dengan sepenuh relahati berilizitam untuk menjadi yang terbaik dengan mengamalkan pengurusan dan pentadbiran kurikulum yang cekap dan berkesan serta membangunkan kurikulum yang berkualiti. (Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti 2006).

Seiring dengan visi dan misi tersebut, kurikulum PI dibangunkan dalam usaha untuk menjadikan Politeknik sebagai institusi yang amat berkesan ke arah mencapai hasrat negara bagi membentuk insan yang menyeluruh dan bersepadu selaras dengan FPK untuk mewujudkan insan seimbang dan harmonis.

Pendidikan Islam di Politeknik

Kurikulum Pendidikan Islam merupakan kursus wajib yang diletakkan di bawah Jabatan Pengajian Am (JPA). Kursus ini perlu diikuti oleh semua pelajar muslim dan diwajibkan lulus kursus tersebut sebelum layak dianugerahkan Diploma atau Diploma Lanjutan Politeknik.



Kursus PI yang ditawarkan di Politeknik memberikan penekanan kepada pembinaan 3 asas ilmu Islam yang utama iaitu aqidah, syariah dan akhlak. Proses penceraaan asas ilmu ini dijadikan asas yang membentuk keyakinan dan kefahaman mendalam terhadap Tauhid, amal perbuatan dan muamalat sehari-hari pelajar. Konsep pengembangan ilmu yang spesifik dan ilmu ketamadunan digarap pada Semester 2 dan Semester 3. Outputnya, kurikulum PI diharap dapat melahirkan insan yang beriman, berakhlik mulia, berpengetahuan dan beramal soleh dengan ilmu yang dipelajari. Matlamat akhirnya adalah untuk melahirkan tenaga kerja separa profesional yang dinamik dan deduktif bagi memenuhi keperluan negara.

Sejajar dengan keperluan dan perubahan semasa, kurikulum PI telah melalui beberapa fasa perubahan dan pengembangan. Perubahan tersebut mencakupi aspek perubahan kod dan inventori, isi kandungan serta bentuk pentaksiran. Ia merupakan sebahagian daripada penambahan berterusan (*Continues Quality Improvement – CQI*) seiring dengan kehendak semasa.

Kurikulum PI di Politeknik ditawarkan dalam 3 Semester di peringkat Diploma dan 1 Semester di peringkat Diploma Lanjutan sebagaimana berikut :

Jadual 2 Kursus PI mengikut peringkat, semester, kursus dan sasaran.

Bil	Sem.	Nama Kursus	Sasaran
Peringkat Diploma			
1	S1	Pendidikan Islam 1	Pelajar muslim
2	S2	Pendidikan Islam 2	Pelajar muslim
3	S3/S5	Tamadun Islam	Semua pelajar
Peringkat Diploma Lanjutan			
1	S1	TITAS(Tamadun Islam Tamadun Asia)	Semua pelajar

(Sumber: www.cidos.edu.my)

Proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) kursus PI di Politeknik sejak sekian lama lebih menumpukan pendekatan tradisional iaitu menggunakan pendekatan syarahan dan amali sahaja. Para pensyarah cenderung memberikanuraian dan penerangan kepada definisi tajuk, konsep dan contoh-contoh yang berkaitan. Sementara itu, pendekatan secara amali digunakan bagi memperjelaslagi penyampaian secara teori terutamanya untuk menilai tahap penguasaan dan kefahaman pelajar kepada topik-topik praktikal seperti amali solat (*rukun fi'kli dan qau'lil*), bacaan surah-surah, solat jenazah dan pengurusan jenazah. Kurikulum PI mengalami perubahan ketara seperti perubahan kod, jumlah kredit, bilangan topik dan bentuk pentaksiran seiring dengan keperluan semasa. Ia dapatlah disimpulkan sebagaimana berikut :

Jadual3 Perubahan kod kursus, nama, kredit, topik dan pentaksiran

Bil	Kod Krs.	Nama Kursus	Kredit	Topik	Pentaksiran
Kurikulum Efektif : Jun 2002					
1	A1001	Pendidikan Islam 1	1.5	10	Kuiz, tugasan, kerja amali, ujian
2	A1002	Pendidikan Islam 2	1.5	13	Kuiz, tugasan, kerja amali, ujian
3.	A3007	Tamadun Islam	2	8	Kuiz, tugasan, pembentangan, ujian
Kurikulum Efektif : 220607					
1	A1016	Pendidikan Islam	2	11	Kuiz, tugasan, kerja amal, ujian
2	A2016	Pendidikan Islam	2	13	Kuiz, tugasan, kerja amal, ujian
3	A3017	Tamadun Islam	2	8	Kuiz, mini projek, penilaian kendiri, tugasan, ujian

(Sumber: www.cidos.edu.my)

Menjelang tahun 2011, seiring dengan Transformasi Politeknik kearah membina upaya baharu bagi membangunkan sumber manusia negara dalam memenuhi keperluan modal ekonomi baharu berdasarkan inovasi dan kreativiti, proses pembangunan kurikulum politeknik di perkasakan.

Sebagai penambahbaikan, proses pembangunan kurikulum program pengajaran melibatkan pihak industri pada peringkat awal (proses input) dan peringkat akhir (semakan draf akhir), sebelum sesuatukurikulum diluluskan oleh Lembaga Kurikulum Politeknik. Input pihak industri diperolehi bagi memastikan program yang ditawarkan di Politeknik relevan dan sejarah dengan dengan amalan terkini industri. Kurikulum baharu ini juga dibangunkan menggunakan pendekatan *Outcome Based Education (OBE)* iaitu pembelajaran berdasarkan hasil. (Laporan Tahunan 2011)

Pembangunan kurikulum PI yang menggunakan pendekatan OBE juga adalah berdasarkan perkembangan terkini dalam jaminan kualiti pengajaran tinggi di Malaysia dengan penubuhan *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* dan berkuatkuasanya *Malaysian Qualifications Framework (MQF)* dengan merujuk kepada keperluan pembangunan kurikulum mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh agensi tersebut. Justeru itu, kurikulum kursus ini perlu disemak semula.

Sehubungan dengan itu juga, kurikulum PI dibangunkan dan dimurnikan menggunakan pendekatan OBE dikenali sebagai Kurikulum Semak Semula - Pendidikan Islam (KSSPI) atau Kurikulum OBE.

Jadual 4 Kurikulum Semak Semula Pendidikan Islam (KSSPI/OBE)

Bil	Kod Krs.	Nama Kursus	Kredit	Topik	Pentaksiran
Kurikulum Efektif: 1 Jun 2011					
1	AA101	Pendidikan Islam 1	2	11	Ujian praktikal, kuiz, ujian teori, eseи
2	AA201	Pendidikan Islam 2	2	11	Praktikal (ujian praktikal, pembentangan), kuiz ujian teori, end of chapter
3	AA301	Tamadun Islam	2	8	Pembentangan, kuiz, ujian, eseи
Kurikulum Efektif: 1 Disember 2011					
1	AA101	Pendidikan Islam 1	2	11	Ujian praktikal, kuiz, ujian teori, eseи
2	AA201	Pendidikan Islam 2	2	11	Praktikal (ujian praktikal, pembentangan), kuiz ujian teori, end of chapter
3	AA301	Tamadun Islam	2	8	Pembentangan, kuiz, ujian, eseи
4	AA109	TITAS	2		

(Sumber: www.cidos.edu.my)

Pelaksanaan KSSPI ternyata mendatangkan respon dan maklum balas yang pelbagai daripada kalangan pensyarah dan pelajar. Dapatkan maklumbalas pelaksanaan kurikulum semak semula (1 Jun 2011) yang dibentangkan kepada Ketua-ketua Jabatan Pengajian Am dalam Persidangan Akademik Politeknik Bil.1/2011 mendapati berlaku ketidakseimbangan dalam penggubalan kurikulum KSSPI. Secara tepatnya tiada keselarasan penandaan CLO vs PLO pada *Matrix of courses Vs PLO, GSA* dan *Learning Domain* serta *Matrix of Learning Outcomes vs GSA & Learning Domain*. Justeru, mesyuarat mencadangkan supaya pihak SPPK mengadakan dengan segera satu mesyuarat Panel Penggubal Kurikulum JPA untuk membuat penelitian tentang perkara tersebut.

Sebagai tindakan susulan, satu mesyuarat pemurnian kurikulum dan satu sesi perbengkelan telah diadakan pada bulan Julai dan Ogos 2011. Jawatankuasa Penggubal Kurikulum Kursus Pendidikan Islam, Pendidikan Moral, Tamadun Islam dan Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) telah dilantik daripada kalangan pensyarah, ahli akademik dan wakil industri. Rumusan perbincangan adalah seperti berikut :

- a. Pemurnian kurikulum AA101 Pendidikan Islam 1 dan AA201 Pendidikan Islam 2 akan ditawarkan sebagai AA101 Pendidikan Islam dengan fokus dan isi kandungan yang lebih menyeluruh, padat dan dikemaskini.
- b. Memurnikan kurikulum AA301 Tamadun Islam melibatkan pelaras *CLO vs PLO* pada '*Matrix of courses Vs PLO, GSA dan Learning Domain*' serta '*Matrix of Learning Outcomes vs GSA & Learning Domain*' dan kandungan kurikulum sedia ada.
- c. Mengkaji kesesuaian dan keperluan isi kandungan kurikulum AA201 Pendidikan Islam 2 yang lebih menjurus permasalahan *munakahat* (nikah kahwin) merangkumi 63.6% kandungan kursus.
- d. Penawaran kursus Pendidikan Islam yang lebih spesifik mengikut bidang pengkhususan. Penawaran kursus baharu ini adalah pada Semester 2 menggantikan AA201 Pendidikan Islam 2. Kursus-kursus baharu tersebut lebih menjurus kepada bidang pengkhususan pelajar di politeknik iaitu:
 1. AA209 – Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam.
 2. AA210 - Pengurusan dalam Islam.
 3. AA211 - Hospitaliti dan Pelancongan dalam Islam.
 4. AA212 – Seni dalam Islam.

Serentak dengan itu juga, satu Kajian Pelaksanaan Kurikulum Kursus Jabatan Pengajian Am, Politeknik KPT secara atas talian telah dijalankan. Tujuan kajian ini adalah untuk mengumpul maklumat mengenai Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik KPT. Dapatkan kajian; 86% responden mengemukakan maklumbalas dan cadangan, 12.8% menyentuh keperluan meneliti isi kandungan, topik dan fokus kurikulum, 7% perihal pentaksiran agar lebih spesifik, amali yang lebih teratur dan pentaksiran yang lebih jelas, manakala 4.7% perihal kekangan masa antara topik dan pelaksanaan silibus.

Penawaran kursus baharu berorientasikan OBE pada Semester 2 adalah menggantikan kursus (Pendidikan Islam 2) dengan objektif utama memberikan pemahaman Islam yang sebenar terhadap setiap bidang pengkhususan yang diambil pelajar.

Jadual 5 Kursus Baharu Pendidikan Islam dan golongan sasar

Bil	Kod. Krs	Nama Kursus	Sasaran
1	AA209	Sains, Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam	Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteeraan Awam Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi
2	AA210	Pengurusan dalam Islam	Jabatan Perdagangan
3	AA211	Hospitaliti dan Pelancongan dalam Islam	Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti.
4	AA212	Seni dalam Islam	Jabatan Rekabentuk Komunikasi Visual
5	AC301	Tamadun Islam	Sebauh pelajar
6	AC101	TITAS	Sebauh pelajar

(Sumber: Yusni 2011)

Ciri-ciri unggul kurikulum baharu Pendidikan Islam ialah :

- a. Penambahan kandungan baharu yang relevan.
- b. Pemetaan kandungan bagi mengelakkan pertindihan.
- c. Menyusun semula kandungan mengikut turutan yang sesuai.
- d. Pelarasan dan penajaran kursus dengan versi kurikulum sebelumnya.
- e. Pemantapan aspek penilaian.

Pelaksanaan KSSPI adalah mengikut kohort ambilan di Politeknik bermula ambilan Jun 2012. Sementara para pelajar yang sedang belajar di Semester 2 dan seterusnya akan menggunakan pakai kurikulum sedia ada.

Politeknik dan Mata Pelajaran Umum

Kajian mengenai pelaksanaan kursus mata pelajaran wajib (MPW) telah dilaksanakan oleh kumpulan penyelidik daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). (*Laporan Sesi Pembentangan Akhir Kajian Pelaksanaan Kursus Pengajian Umum Kepada YB Menteri Pengajian Tinggi, Bahagian Governan IPTS, JPT, 22 Oktober 2012*) Kajian ini bertujuan mengkaji tahap pelaksanaan MPW kepada pelajar Malaysia dan penstrukturkan kursus MPW kepada pelajar antarabangsa di IPTS supaya lebih menarik dan diterima oleh para pelajar.

Hasilnya Mata Pelajaran Umum (MPU) diperkenalkan bertujuan meningkatkan kebolehpasaran graduan, perluasan inovasi dan kajian serta usaha peningkatan nilai patriotisme di kalangan lulusan. MPU yang diperkenalkan adalah bagi memenuhi aspirasi negara iaitu ke arah Pembinaan Negara Bangsa, Penguasaan dan Peluasan Kemahiran Insaniah, Pengukuhan dan Peluasan Pengetahuan di Malaysia dan Pengaplikasian Kemahiran Insaniah. MPU yang diperkenalkan dikategorikan kepada 4 kumpulan iaitu :

- a. U1 iaitu penghayatan falsafah, nilai dan sejarah;
- b. U2 iaitu penguasaan kemahiran insaniah;
- c. U3 iaitu perluasan ilmu pengetahuan;
- d. U4 iaitu kemahiran pengurusan masyarakat.

MPU kategori U1 menekankan kepada penghayatan falsafah, nilai dan sejarah dijadikan dasar KPT yang dirwajibkan kepada semua pelajar IPT mengikutinya. Kursus kategori U2, U3 dan U4 adalah bebas mengikut institusi tetapi perlu merujuk kepada KPT terlebih dahulu bagi memastikan pengkategorian adalah bersesuaian dan memenuhi piawaian kualiti MQA.

Pelajaran Umum adalah berteraskan cabang Falsafah Ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian Kemanusiaan, Sains Tulen dan Sains Sosial. Ia akan membolehkan pelajar daripada disiplin dalam bidang Kemanusiaan, Sains Tulen dan Sains Sosial untuk menguasai isi kandungan Mata Pelajaran Umum.

Jadual 6Kursus Mata Pelajaran Umum (MPU) yang ditawarkan di Politeknik mengikut program pengajian

PROGRAM / KURSUS	U1	U2	U3	U4
	(3 kredit)	(2-3 kredit)	(2-3 kredit)	(2kredit)
A. Program Homegrown Degree				
	TITAS			
	*Hubungan Etnik			
B. Program Diploma Lanjutan				

TITAS				
C. Program Diploma				
	*Pengajian Malaysia	Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam	Komunikasi dan Penyiaran Islam	
		Pengurusan dalam Islam	Nilai Masyarakat Malaysia	
		Hospitaliti dan pelancongan dalam Islam		
		Seni dalam Islam		
*Nota : U1 akan menjadi Dasar KPT untuk dilaksanakan di semua PPT		U2-U4 – kursus ditetapkan oleh PPT		

Penawaran MPU diperingkat Ijazah (HGD) bermula September 2013 sementara penawarannya diperingkat Diploma dan Diploma Lanjutan dijangka akan bermula Jun 2014. SPPK sebagai badan pengawal kurikulum dijangka akan menerima pelbagai maklum balas apabila MPU dilaksanakan kelak. Pelaksanaan MPU juga dilihat bakal menimbulkan reaksi positif pelajar berikut penawaran kursus-kursus lain yang memperkuuhkan lagi kefahaman mereka terhadap nilai kenegaraan dan menyemarakkan lagi semangat patriotisme.

PENUTUP

Penawaran kurikulum Pendidikan Islam adalah kesinambungan daripada usaha berterusan pihak pengurusan Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) untuk melahirkan tenaga kerja separa profesional yang menguasai dua cabang ilmu, iaitu ilmu keduniaan (teknikal) dan akhirat (agama). Cabaran membangunkan kurikulum Pendidikan Islam yang selari dan seiring dengan perubahan zaman amatlah tinggi. Justeru, perubahan demi perubahan yang berlaku ke arah pemantapan dan penambahbaikan adalah wajar berlaku dan perlu. Kesiapsiagaan warga pendidik di Politeknik ditagih demi memastikan wasilah keilmuan dan warisan an-nubuwah terus subur di Politeknik Malaysia amnya dan kelangsungan Pendidikan Islam khasnya.

RUJUKAN

- Alias Mat Saad. 1999. Keperluan Latihan di Kalangan Pensyarah Jabatan Kejuruteraan Mekanikal Politeknik Kuching. Laporan Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Alias Mat Saad.2010. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia* (Tesis PhD), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alimuddin Mohd Dom. 2007. Kurikulum Pendidikan Islam berpendekatan hadhari. *Utusan Malaysia*, hlm 7.
- Arip Sa'aya, Noraini Sulaiman. t.thn.A1001 *Pendidikan Islam 1*, Modul Politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Kurikulum Teknik & Vokasional. 2002.*Dokumen Kurikulum, Jabatan Pengajian Am, Program Pengajian Politeknik*, Bahagian Kurikulum Teknik & Vokasional, Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2002
- Curriculum Developement and Evaluation Division. 2010. *Competency Standards for Polytechnic Graduates, Diploma In Tourism Management*, Curriculum Developement and Evaluation Division, Department of Polytechnic Education, MOHE.
- Curriculum Information Document Online System (CIDOS), www.cidos.edu.my
- Falsafah Pendidikan Islam, <http://www.moe.gov.my/jpnpanahang/>
- Jabatan Pengajian Politeknik, *Transforming Lives*, Jabatan Pengajian Politeknik, KPT, 2012.
- Kementerian Pendidikan Malaysia, *Falsafah Pendidikan Kebangsaan Matlamat dan Misi*, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2001.
- Kementerian Pengajian Tinggi.2009. *Hala Tuju Transformasi Politeknik*, Kementerian Pengajian Tinggi.
- Kementerian Pengajian Tinggi, *Laporan Tahunan 2011.2012*. Kementerian Pengajian Tinggi.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. 2006. *Laporan jawatankuasa mengkaji, menyemak dan membuat perakuan tentang perkembangan dan halatuju Pendidikan Tinggi Malaysia*.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.2007. *Laporan Tahunan 2006*, Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti.

Shamsuddin Abd.Latiff. 1990. *Kurikulum Pendidikan Islam di Politeknik Ungku Omar :Satu tinjauan kurikulum ke arah pencapaian matlamat.* Tesis Sarjana Pendidikan., Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yusni Mohamad Yusak.2011. *KERTAS KERJA KK01/2M/2011*, Kertas Kerja : Memohon Kelulusan Penawaran Kursus Baharu Dan Semak Semula Jabatan Pengajian Am Untuk Dilaksanakan Di Dalam Program Pengajian Di Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi.